

BAB 6

Penanaman Melalui Kaedah Rumah Hijau Automatik pada Musim Pandemik Menjana Pendapatan

*Razwan Rohimi, Wan Omar Ali Saifuddin bin Wan Ismail, Siti
Maryam Sharun, Roslan Awang, Sharizal Ahmad Sobri*

Langkah kerajaan Malaysia dalam membendung jangkitan virus COVID-19 adalah dengan memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan 1 dan 2 (PKP1 & PKP2), Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Perintah Kawalan Pergerakan merupakan detik bersejarah bagi rakyat Malaysia yang memberi impak sangat besar kepada sosial dan ekonomi. Hampir seluruh kegiatan perniagaan kecil-kecilan diarahkan untuk tidak beroperasi menyebabkan pendapatan mereka terjejas. Sepanjang tempoh tersebut, terdapat peniaga yang terpaksa gulung tikar kerana tidak lagi mampu untuk menanggung kerugian. Oleh itu, ramai peniaga mengambil inisiatif lain untuk mencari pendapatan tambahan seperti bermiaga melalui dalam talian seperti yang diwarwarkan oleh kerajaan. Tidak terkecuali para petani dan pekebun, dapat menjual hasil tanaman yang lebih banyak kerana bahan mentah mendapat permintaan tinggi seperti ayam, daging, ikan dan sayur-sayuran ketika tempoh pandemik ini.